

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03.01/10.12/3 JLD. 2(32)

18 November 2024
16 Jamadil Awal 1446

PEKELILING BENDAHARI BIL.3/2024

PELAKSANAAN HARGA INDIKATIF JABATAN DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.134 pada 17 September 2024 telah meluluskan cadangan untuk menerima pakai pelaksanaan Harga Indikatif Jabatan Dalam Perolehan Universiti.

2. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan Harga Indikatif Jabatan digunakan dalam urusan perolehan secara sebutharga dan tender selaras dengan pekeliling ini.

3. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti diminta mengambil maklum pemakaian pekeliling ini dan maklumat lanjut berhubung pekeliling ini boleh didapati di laman web rasmi Jabatan Bendahari <https://bursary.utm.my>. Tarikh pekeliling ini berkuatkuasa adalah mulai dari **1 Disember 2024**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro Naib Canselor Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pengarah Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2024

**PELAKSANAAN HARGA INDIKATIF JABATAN
DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI**

**JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
18 NOVEMBER 2024**

Tel: 07-5533333 Faks: 07-5579887 <https://bursary.utm.my>
Emel: bendahari@utm.my

Ruj.Kami : UTM.J.03.01/10.12/3 JLD. 2 (32)
Tarikh : 18 November 2024

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2024

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Dekan/Pengerusi/Pengarah
Ketua Bahagian/Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,
YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr /Saudara,

PELAKSANAAN HARGA INDIKATIF JABATAN DALAM PEROLEHAN UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah untuk menerangkan tatacara bagi pelaksanaan Harga Indikatif Jabatan dalam perolehan sebutharga dan tender Universiti sama ada bagi perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja.
- 1.2 Kementerian Kewangan Malaysia telah menyebut **berkaitan Harga Indikatif Jabatan/ Anggaran Jabatan** melalui **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 (Perihal Umum) di perkara 7.**

- 1.3 Tatacara ini telah dibawa untuk perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Universiti Bil.3/2024 pada 4 September 2024 sebelum dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.134 pada 17 September 2024.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tujuan pelaksanaan Harga Indikatif Jabatan dalam perolehan sebutharga dan tender Universiti adalah untuk memastikan suatu perolehan dilaksanakan dengan lebih cekap dan telus.
- 2.2 Ianya juga dapat memastikan penyebutharga atau petender mengemukakan tawaran pada harga yang munasabah dan tidak melebihi peruntukan.
- 2.3 Tempoh masa proses bagi suatu perolehan dapat disingkatkan kerana risiko pelawaan semula disebabkan harga tawaran melebihi peruntukan dapat dikurangkan dengan pelaksanaan inisiatif Harga Indikatif Jabatan ini.

3.0 PELAKSANAAN PENYEDIAAN HARGA INDIKATIF JABATAN

- 3.1 Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah menyediakan Harga Indikatif Jabatan bagi setiap perolehan dan memasukkannya ke dalam dokumen pelawaan. Harga Indikatif Jabatan hendaklah berdasarkan harga pasaran semasa, realistik dan terkini.
- 3.2 PTJ hendaklah menyediakan Anggaran Jabatan bagi setiap sebut harga/ tender dan memasukkannya ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup tawaran. Anggaran Jabatan hendaklah mempunyai maklumat terperinci berdasarkan harga pasaran semasa, realistik dan terkini.

- 3.3 Harga Indikatif Jabatan hendaklah mengambil kira kos pengendalian, kos pengangkutan, kos upah (jika berkaitan) dan margin keuntungan yang munasabah.
- 3.4 Bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang sukar ditentukan Harga Indikatif Jabatan, PTJ boleh membuat anggaran munasabah yang terkini berdasarkan harga pasaran semasa atau merujuk kepada pembelian lampau PTJ lain sekiranya berkaitan.
- 3.5 Bagi perolehan kerja, perkiraan Harga Indikatif Jabatan tidak boleh sama sekali mengguna pakai Jadual Kadar Kerja. Jadual Kadar Kerja ini adalah dikhususkan untuk kerja kecil secara *requisition*/ undian.
- 3.6 Kenyataan peruntukan Harga Indikatif Jabatan hendaklah dimasukkan ke dalam Arahan Kepada Petender/ Penyebutharga sepertimana di **Lampiran I**.

4.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari **1 Disember 2024**.
- 4.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil.2/2024 -Polisi Perolehan & Prosedur Berkaitan Perolehan Bekalan & Perkhidmatan.



ARAHAN KEPADA PETENDER / PENYEBUTHARGA

Harga Indikatif Jabatan

- a) Harga Indikatif Jabatan bagi tender/sebutharga ini adalah Ringgit Malaysia:
.....
.....
(RM _____)
- b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Universiti Teknologi Malaysia atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- c) Pihak Universiti Teknologi Malaysia tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.